


BULETIN 2016



BPPA

BAHAGIAN PERUNDINGAN PENGURUSAN ASET • CAWANGAN PERANCANGAN ASET BERSEPADU



ASET NEGARA 1 AMANAH BERSAMA

m/s **4**

Slot Khas
Temubual Bersama
Pengarah BPPA

m/s **8**

Seminar Tahunan
JKR BIM + ASSET DAY 2016
&
Seminar Pengurusan
Fasiliti Sektor Awam 2016

m/s **8**

e-books
Pelancaran e-book
Koleksi Pembentangan
Seminar Pengurusan Aset
dan Fasiliti 2015

m/s **17**

Best Student Award
Ir. Dr. Ahmad Firdauz bin Abdul
Mutalib
Doctor of Philosophy (Facilities
Management)
Majlis Konvokesyen Ke-57 UTM



Tinta Ketua Editor

Assalamualaikum W.B.T,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat ilahi, kerana dengan izinNya, dapat kita menerbitkan buletin BPPA tahun 2016. BPPA komited di dalam mencapai kecemerlangan Pengurusan Aset Menyeluruh melalui Pembangunan Kecemerlangan Modal Insan yang kompeten, kreatif dan inovatif untuk memberi perkhidmatan secara profesional di dalam pengurusan aset negara.

Editorial sentiasa berusaha untuk memberikan informasi yang berkaitan dengan isu-isu pengurusan aset dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di BPPA. Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan buletin ini.

Wassalam.

Ir. Saiful Muzamir bin Ismail
Ketua Editor Buletin BPPA

MENARIK DI DALAM

3

**Perutusan
Pengaruh Kanan
CPAB**

4

**Slot Khas:
Temubual bersama
Pengaruh BPPA**

6

**Maklumat
Korporat:
Pengenalan & latar
belakang BPPA**

8

**JKR BIM +
Asset Day**

9

**Seminar
Pengurusan
Fasiliti Sektor
Awam 2016**

10

**Jawatankuasa
Pengurusan Aset
Kerajaan**

12

**Aktiviti BPPA
Sepanjang Tahun
2016**

16

**Artikel:
Pembangunan
Pengetahuan Yang
Diperlukan
Dalam Bidang Pengurusan
Fasiliti di Malaysia**

18

**Isu Semasa &
Produk Terkini
BPPA**

19

Lensa BPPA

23

EKSA BPPA

23

Perpindahan Staf

SIDANG REDAKSI

Penaung Dato' Ir. Hj. Mohd Daud bin Harun [Pengaruh Kanan CPAB] **Penasihat** Ir. Ramli bin Mohd Yusoff [Pengaruh BPPA]
Ketua Editor Ir. Saiful Muzamir bin Ismail **Penolong Ketua Editor** En. Mohd Suharizal bin Mahamad Subri • Cik Siti Sabariah binti Mohd Noor **Sidang Pengarang** Pn. Zuraini binti Zakaria • Ir. Dr. Ahmad Firdauz bin Abdul Mutalib • Pn. Aieza binti Yusop • Pn. Khairulaziah binti Mohd Saleh • Ir. Diana binti Mohd Yasin • Pn. Salizah binti Selamat • Pn. Rosmila binti Osman • En. Mohd Azwan bin Bakar • Pn. Assurahaman binti Mohamad Aspar • En. Zamzuri binti Mohammad • Pn. Rozia Hanim binti Mohd Daim • Pn. Naisha binti Wood • En. Adnan bin Abd. Aziz

Perutusan Pengarah Kanan CPAB



**“ BPPA MENJADI SEBUAH PUSAT
KECEMERLANGAN PENGURUSAN
ASET DAN PENYENGGAARAAN
INFRASTRUKTUR BERTERASKAN
KREATIVITI DAN INOVASI MODAL
INSAN SERTA TEKNOLOGI
TERKINI.”**

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Syukur kehadiran Illahi kerana dengan limpah kurniaNya, buletin pertama Bahagian Perundingan Pengurusan Aset (BPPA) berjaya diterbitkan. Jutaan terima kasih diucapkan kepada sidang redaksi bersama ahli jawatankuasa buletin yang telah mengembeleng idea dan tenaga bagi menghasilkan buletin yang berkualiti dan terkini sebagai sumber rujukan kepada warga Cawangan Perancangan Aset Bersepadu khususnya dan juga kepada warga Jabatan Kerja Raya amnya.

BPPA berperanan sebagai agensi yang merancang, membangun, mengurus dan memantau sistem pengurusan aset kerajaan, berhasrat untuk menjadi sebuah pusat kecemerlangan pengurusan aset dan penyenggaraan infrastruktur berteraskan kreativiti dan inovasi modal insan serta teknologi terkini.

Ke arah mencapai matlamat tersebut pihak BPPA telah melaksanakan taklimat, bengkel, kursus, seminar dan fasiliti kepada kementerian dan jabatan kerajaan, menerbitkan garis panduan dan syarat-syarat kontrak penyenggaraan yang baru. Di samping itu juga pihak BPPA sendiri telah memperlengkapkan pegawai dan kakitangan terlibat supaya lebih kompeten, kreatif dan inovatif. Penggunaan perisian yang baru seperti mySPATA dapat membantu pertingkatkan capaian maklumat berkaitan dengan data aset kerajaan.

Sebarang rintangan dan dugaan yang sentiasa ada pada masa kini dan akan datang tidak seharusnya menjadi halangan untuk kita menuju kearah yang lebih baik. Usaha dan perancangan hendaklah dipergiatkan lagi untuk mencapai cita-cita dalam memperluaskan bidang Pengurusan Aset Menyeluruh (PAM) dan bagi melahirkan profesional dalam bidang Pengurusan Fasiliti.

Saya berharap buletin ini dapat menjadi pemangkin kepada daya usaha dan inovatif warga BPPA untuk menghasilkan karya yang lebih baik lagi pada masa akan datang.

Sekian.

Dato' Ir. Hj. Mohd Daud bin Harun
Pengarah Kanan
Cawangan Perancangan Aset Bersepadu



SLOT KHAS

Temubual Bersama Pengarah BPPA

Ir. Ramli bin Mohd Yusoff

Pengarah Bahagian Perundingan Pengurusan Aset
Cawangan Perancangan Aset Bersepadu



Soalan:

Sebagai mukadimah, mohon tuan maklumkan serba sedikit tentang BPPA

Pengarah:

BPPA diwujudkan pada tahun 2014 daripada kesinambungan fungsi Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Senggara (BPKS) yang wujud sejak awal tahun 2007. BPPA adalah salah satu bahagian utama dalam Cawangan Perancangan Aset Bersepadu (CPAB) dalam bidang pengurusan aset. Ini selaras dengan transformasi penstrukturan 'Project Based Organisation' kepada 'Asset Based Organisation'. Fungsi utama BPPA adalah untuk membantu Pengarah Kanan CPAB dalam semua perkara berkaitan perancangan dan pembangunan strategi pengurusan aset dan fasiliti. Saya suka mengingatkan bahawa penubuhan CPAB adalah hasil gabungan kedua-dua cawangan iaitu Cawangan Pengurusan Projek Kompleks (PROKOM) dan Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Senggara (BPKS) serta Bahagian Senggara Persekutuan Negeri (BSPN) dibawah Cawangan Kejuruteraan Senggara. Kedua-dua cawangan ini mempunyai kekuatannya tersendiri di dalam dan di luar jabatan yang sekiranya berjaya diadunkan dengan baik, ianya akan menjadi gambaran "template" peranan JKR di masa akan datang.

Soalan:

Bagaimana BPPA melaksanakan fungsinya?

Pengarah:

Buat masa ini, BPPA terbahagi kepada lima (5) unit, iaitu; Unit Pengurusan Aset Kerajaan (UPAK), Unit Perunding Pengurusan Aset (UPPA), Unit Perunding Teknikal Aset (UPTA), Unit Pembangunan Kapasiti & Transformasi (UPKT) dan Unit Penyelarasan Fasiliti Jabatan (UPFJ). Dengan kefungsiannya yang tertentu, unit-unit ini dijangka mampu untuk merealisasikan Objektif, Misi dan Visi BPPA dalam pengurusan aset dan fasiliti negara.

Soalan:

Apakah fokus utama aktiviti BPPA dalam tahun 2016 ini?

Pengarah:

Pada tahun 2016, BPPA memberi fokus kepada aktiviti berikut yang menjadi keutamaan bahagian, iaitu; menyiapkan dan menggunakan Syarat-syarat Kontrak FMM 2016 bagi pengurusan fasiliti dan penyenggaraan, menyiapkan pembangunan serta menggunakan sistem pengurusan aset tak alih di atas talian (mySPATA), dan pembangunan kompetensi, akreditasi dan pensijilan dalam pengurusan aset & fasiliti.

Soalan:

Apakah status terkini aktiviti-aktiviti yang dinyatakan?

Pengarah:

Setelah mengharungi segala liku-liku dan cabaran yang ada, BPPA telah mampu memperolehi kelulusan Syarat-syarat Kontrak Facility Maintenance Management (FMM) 2016 oleh Jabatan Peguam Negara pada 19 Oktober 2016. Kelulusan ini amat penting demi memenuhi keperluan pengurusan kontrak fasiliti yang mana semenjak tahun 2008, syarat kontrak yang digunakan adalah versi syarat kontrak kerja yang diubahsuai.

Penyiapan sistem mySPATA Fasa 2 pula telah sampai ke fasa akhir dan dijangka dapat disiapkan sepenuhnya pada penghujung tahun 2016. Namun fasa

dan kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia.

BPPA juga telah membantu Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam merangka pewujudan pendaftaran kontraktor FMM. Di peringkat jabatan, BPPA telah membantu dalam menyediakan dan menetapkan tahap kompetensi pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan sektor pengurusan aset dan fasiliti.

Soalan:

Akhirnya, adalah difahamkan tuan akan bersara pada tahun 2017. Jadi, apakah aspirasi atau harapan tuan terhadap BPPA?

dapat direalisasikan penyiapan dan pelaksanaan sepenuhnya pada tahun 2017 nanti.

Namun kejayaan tidak akan dapat dicapai jika pengurusan sumber tidak dilaksanakan dengan baik. Harapan yang besar saya letakkan agar BPPA ditempatkan dengan modal insan yang sesuai dan kompeten dalam bidang pengurusan aset dan fasiliti agar agenda negara dan jabatan dalam pengurusan aset dan fasiliti dapat dipertingkatkan serta berjalan lancar. Pada tahun 2017 nanti, Inshaa Allah, seramai enam (6) orang pegawai lagi akan tamat pengajian peringkat doktor falsafah (PhD) dalam bidang Pengurusan Aset dan Fasiliti. Saya berharap dengan adanya pegawai-pegawai yang berkecuali dalam bidang aset ini ianya akan dapat melonjakkan peranan JKR sebagai peneraju bidang Pengurusan Aset dan Fasiliti dalam

"CAWANGAN PERANCANGAN ASET BERSEPADU (CPAB) BOLEH DIJADIKAN CAWANGAN PAKAR DALAM PENGURUSAN PROJEK, ASET & FASILITI YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP KOMPETENSI DAN DISIPLINNYA YANG TERSENDIRI"

1, iaitu fasa pendaftaran aset telah siap dan digunapakai semenjak tahun 2010 oleh seluruh kementerian, jabatan serta agensi-agensi kerajaan.

BPPA juga telah mengadakan perbincangan dengan beberapa badan yang berkaitan dalam pengurusan aset dan fasiliti untuk merangka strategi dalam urusan akreditasi dan pensijilan dalam pengurusan aset dan fasiliti. Program-program ini dijangka akan dapat dilaksanakan pada tahun 2017 nanti. Pendekatan yang diambil akan turut mengambil kira kompetensi yang diperlukan oleh industri FMM.

Pengarah:

Jabatan Kerja Raya (JKR), sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan merangka strategi melaksanakan aspirasi kerajaan dalam pengurusan aset dan fasiliti negara, saya yakin dan percaya BPPA masih akan terus unggul dalam memainkan peranannya. Kejayaan BPPA akan memastikan JKR akan terus relevan sebagai agensi ulung teknikal dalam kerajaan.

Saya juga menaruh harapan agar ketiga-tiga aktiviti utama lagi penting yang dijalankan dalam tahun 2016 ini akan

kerajaan. Sekaligus Cawangan Perancangan Aset Bersepadu (CPAB) boleh dijadikan cawangan pakar dalam pengurusan projek, aset dan fasiliti yang bertanggungjawab terhadap kompetensi dan disiplinnya (disiplin projek, aset dan fasiliti) yang tersendiri.

Akhir sekali, saya memohon agar seluruh warga BPPA dapat memberikan komitmen yang tinggi serta kesungguhan dalam melaksanakan amanah besar kerajaan dalam Pengurusan Aset dan Fasiliti Negara. Selamat Maju Jaya Kepada semua staf CPAB amnya dan BPPA khususnya.

Soalan:

Apa pula peranan BPPA dalam pembangunan Dasar/Polisi/Kompetensi dalam Pengurusan Aset dan Fasiliti Negara?

Pengarah:

BPPA telah bekerjasama dengan Cawangan Kontrak & Ukur Bahan (CKUB) dalam merangka Dasar/Polisi (halatuju) Kontrak FMM untuk makluman, perhatian





Maklumat Korporat

5 UNIT DI BAWAH BPPA



VISI

“Menjadi pusat kecemerlangan pengurusan aset dan penyenggaraan infrastruktur berteraskan kreativiti dan inovasi modal insan serta teknologi terkini.”

MISI

- Memberi perkhidmatan secara profesional.
- Komitmen dalam mencapai kecemerlangan melalui Pengurusan Aset Menyeluruh.
- Membangun kecemerlangan modal insan yang kompeten, kreatif dan inovatif.

OBJEKTIF

- Memastikan semua aset infrastruktur sentiasa berfungsi dengan sempurna, selamat dan selesa.
- Mengekalkan kegunaan aset infrastruktur bagi memenuhi ciri-ciri teknikal dan ekonomi untuk mencapai nilai kos pusingan hayat yang optimum (optimum life cycle cost).
- Memastikan perkhidmatan pengurusan dan penyenggaraan aset infrastruktur yang cemerlang, kos berkesan dan memenuhi kepuasan pelanggan.



Diwujudkan daripada kesinambungan fungsi Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Senggara yang wujud sejak awal tahun 2007



Diterajui oleh seorang Pengarah BPPA (JUSA C)




Salah satu bahagian utama dalam CPAB dalam pengurusan aset



Membantu Pengarah Kanan CPAB dalam semua perkara berkaitan perancangan & pembangunan strategi pengurusan aset & fasiliti

Inisiatif / Produk Utama BPPA



Carta Organisasi BPPA, CPAB



DATO' Ir. H.J. MOHD DAUD BIN HARUN
PENGARAH KANAN (JUSA B)
Cawangan Perancangan Aset Bersepadu (CPAB)



Ir. H.J. MOHD SABRI BIN MAT DERIS
PENGARAH (PAKAR KEJURUTERAAN) (JUSA C (KUP))
Unit Pengurusan Aset Kerajaan (UPAK)



Ir. RAMLI BIN MOHD YUSOFF
PENGARAH (JUSA C)
Bahagian Perundingan Pengurusan Aset (BPPA)



MOHD KHUSAIRI BIN MOHD ISA
JURUTERA AWAM PENGUASA KANAN (J54)
Unit Perunding Pengurusan Aset (UPPA)

- Pembangunan dasar & dokumentasi merangka dasar nasional bagi pengurusan dan penyenggaraan aset kerajaan yang bersepadu serta menyeluruh.
- Pembangunan sistem aplikasi & pengurusan pangkalan data membangun dan penyelenggara aplikasi sistem Pengurusan Aset Tak Alih (mySPATA)
- Tadir Urus Pengurusan Aset Kerajaan
- Melaksanakan pengawalan dan pengauditan aktiviti penyenggaraan bagi memastikan aset-aset kerajaan sentiasa berfungsi dengan sempurna, selesa dan selamat.

- Melaksanakan pembangunan / penambahbaikan garis panduan berkaitan Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan.
- Merancang dan mengurus audit / naziran / maklumbalas penggunaan dokumen berkaitan Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan.
- Merancang dan mengurus khidmat perundingan berkaitan Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan.
- Penganjuran program peluasan, pembudayaan dan lain-lain berkaitan penggunaan dokumen Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan.
- Merancang dan mengurus projek rintis berkaitan Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan.



H.J. MOHD ILHAMI BIN IDRUS
JURUTERA AWAM PENGUASA KANAN (J54)
Unit Perunding Teknikal Aset (UPTA)

- Pembangunan dan penambahbaikan dokumen garis panduan berkaitan skop teknikal aset seperti Pelupusan, POE, FMMC, LCC, LSB, DOM, DFM dan lain-lain.
- Khidmat perundingan berkaitan dengan skop teknikal aset antaranya syor meroboh, pelupusan, aset lestari, POE, FMMC, LCC, LSB dan lain-lain.
- Pelaksanaan projek perintis berkaitan dengan dokumen yang dibangunkan seperti POE, Pengurusan Ruang dan lain-lain.



Ir. SAIFUL MUZAMIR BIN ISMAIL
JURUTERA MEKANIKAL PENGUASA KANAN (J54)
Unit Pembangunan Kapasiti & Transformasi (UPKT)

- Kompetensi, Latihan & Akreditasi.
- Penerbitan, Pembudayaan & Kolaborasi.
- Membantu BPKS menjalankan kerja-kerja korporat.



H.J. OTHMAN BIN DARJAD
JURUTERA AWAM PENGUASA (J52)
Unit Penyelarasan Fasiliti Jabatan (UPFJ)

- Penyelarasan dan pemantauan pelaksanaan Tadbir Urus Pengurusan Aset Kerajaan di peringkat jabatan.
- Pemantauan, pelaporan dan proses kerja pengurusan Aset Tak Alih.
- Urusetia mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) Fasiliti.



Penganjuran program JKR BIM + ASSET DAY 2016 yang diadakan pada 19 Mei 2016 di Dewan Auditorium Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) bagi meningkatkan tahap kefahaman dan kesediaan kakitangan jabatan serta stakeholders lain untuk melaksana Building Information Modeling (BIM) melalui pendedahan kepada perkembangan semasa BIM dalam industri pembinaan serta pengurusan aset menyeluruh.

Program yang dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Y.Bhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob ini juga turut dihadiri oleh Ketua Pengarah Kerja Raya Y.Bhg. Datuk Ir. Adanan Mohamed Hussain, Ketua Eksekutif CIDB Y.Bhg. Dato' Ir. Ahmad Asri Abdul Hamid dan beberapa pegawai kanan dari pihak pengurusan atasan JKR Malaysia dan CIDB. Jumlah kehadiran yang dilaporkan adalah seramai 350 orang termasuk peserta, penceramah, peserta pameran dan urusetia program.

Penggunaan BIM dalam semua kitar hayat pelaksanaan projek adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk mentransformasikan perkhidmatan awam dan sektor pembinaan negara dengan memberi fokus terhadap penghasilan outcome yang lebih baik serta cepat sepertimana yang dijelaskan dalam teras strategik Rancangan Malaysia Ke 11 (RMK11) iaitu 'Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran'.

Teras Strategik Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020 pula menyenaraikan BIM sebagai elemen yang mampu meningkatkan tahap produktiviti sektor pembinaan melalui pengurangan kesilapan/konflik rekabentuk dan menghasilkan proses pembinaan yang lebih efisien seterusnya dapat mengurangkan pembaziran serta meningkatkan penjimatan kos pembinaan.

Pelaksanaan BIM dalam projek kerajaan khususnya projek kesihatan, mampu menjadi penggerak ke arah merealisasikan Visi JKR untuk menjadi pemberi perkhidmatan bertaraf dunia dan pusat kecemerlangan dalam bidang pengurusan aset, pengurusan projek dan kejuruteraan untuk pembangunan infrastruktur negara berteraskan modal insan yang kreatif dan inovatif serta teknologi terkini.



Pelancaran e-book telah dilaksanakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Y.Bhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob semasa program JKR BIM + ASSET DAY 2016 pada 19 Mei 2016



**“Ke Arah
Amalan Kontrak
Pengurusan
Fasiliti Yang
Efisien”**

Seminar Pengurusan Fasiliti Sektor Awam 2016



11

**KERTAS KERJA DIBENTANGKAN
OLEH PENCERAMAH YANG
BERPENGALAMAN DALAM BIDANG
PENGURUSAN FASILITI**



Seminar Pengurusan Fasiliti Sektor Awam 2016 anjuran Bahagian Perundingan Pengurusan Aset, Cawangan Perancangan Aset Bersepadu telah berlangsung selama 2 hari iaitu pada 12 dan 13 Oktober 2016 bertempat di Dewan Auditorium, Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Seminar ini bertujuan untuk mewujudkan kesedaran isu-isu dan cabaran dalam kontrak Pengurusan Fasiliti Kerajaan, memberi pendedahan amalan pentadbiran kontrak pengurusan fasiliti kerajaan, menerapkan budaya pentadbiran Kontrak Pengurusan Fasiliti yang cekap dan membina keyakinan pelanggan terhadap konsep Kontrak Pengurusan Fasiliti Kerajaan dalam meningkatkan sistem penyampaian agensi kerajaan.

Ketua Pengarah Kerja Raya, YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Roslan Bin Md. Taha, telah berbesar hati untuk menyampaikan ucapan perasmian seminar ini yang dihadiri oleh kementerian dan agensi, agensi pakar dan khusus, Jabatan Kerja Raya dan kader yang terlibat dalam pengurusan fasiliti dengan jumlah keseluruhan peserta adalah seramai 453 orang.

Sebanyak 11 kertas kerja yang dibentangkan pada seminar ini yang disampaikan oleh penceramah yang berpengalaman dalam bidang pengurusan fasiliti iaitu Sr. Jamisah Binti Ibrahim (JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya), Ir. Saiful Muzamir Bin Ismail (Unit Kerjasama Awam Swasta(UKAS)), En. Mohammad Izrai Bin Abd. Razak dan Pn. Armai Binti Mohamed (Universiti Teknologi MARA, UiTM), En. Fauzi Bin Che Mohamad (Ambang Wira Sdn. Bhd.), Ir. Mohd Fuad Salim Bin Abd. Rahman (Telekom Malaysia Berhad), En. Mohammad Shahrizal Bin Mohammad Idris (Global Facilities Management Sdn. Bhd.), Ir. Hj. Azizul Bin Ariffin (Caw. Senggara Fasiliti Bangunan), Mohd Azizi Bin Ibrahim (Kem. Kesihatan Malaysia), Tn. Hj. Suleiman Bin Md Yusuf (Caw. Perancangan Aset Bersepadu), Encik Mat Nizi Bin Mamat (Kementerian Kerja Raya Malaysia) dan En. Mohd Mazhar Bin Mohd Marzuki (Malaysian Association of Facility Management). Dengan pengalaman, kepakaran dan pengetahuan yang dimiliki oleh para penceramah, seminar ini merupakan satu platform yang sesuai untuk kakitangan kerajaan bertukar pendapat, idea dan khidmat nasihat dalam memantapkan lagi bidang Pengurusan Fasiliti di sektor awam.

JPAK

Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan

PENGENALAN

Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK) merupakan satu Jawatankuasa khas di peringkat tertinggi yang ditubuhkan bagi memberi tumpuan kepada perkara-perkara strategik berkaitan pengurusan aset. Jabatan Kerja Raya (JKR) dilantik sebagai urus setia bagi menguruskan hal-hal berkaitan pengurusan Mesyuarat JPAK disamping bertindak sebagai badan tadbir urus dan penguatkuasaan kepada pelaksanaan Pengurusan Aset Kerajaan.

OBJEKTIF

“Memastikan Aset Kerajaan diuruskan dengan cekap, profesional, ekonomik dan selamat digunakan”

Pusat rujukan dan khidmat rundingan berkaitan PATA kepada Pegawai - Pegawai Aset Tak Alih di Kementerian/ Jabatan/ Agensi

Memberi khidmat pakar dalam pembangunan kompetensi dan kapasiti berkaitan PATA kepada Pegawai - Pegawai Aset Tak Alih di Kementerian/ Jabatan/ Agensi

Urus setia Laman Web Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (PORTAL JPAK)

FUNGSI

- Menentukan hala tuju dalam pelaksanaan Pengurusan Aset Kerajaan.
- Menggubal dasar, strategi, pelan tindakan dan garis panduan bagi melaksanakan Dasar Pengurusan Aset Kerajaan khususnya mengenai standard, keselamatan, perolehan dan pembangunan sumber manusia.
- Menyelaraskan pelaksanaan Dasar Pengurusan Aset Kerajaan di antara agensi-agensi Kerajaan peringkat persekutuan.
- Menyediakan laporan berkala kemajuan pelaksanaan dan cadangan penambahbaikan Pengurusan Aset Kerajaan.

URUS SETIA JPAK

Jabatan Kerja Raya dilantik sebagai Urus Setia JPAK. Pejabat Urus Setia JPAK ditempatkan di Bahagian Perundingan Pengurusan Aset, Cawangan Perancangan Aset Bersepadu JKR bertanggungjawab untuk menyempurnakan tugas Urus Setia JPAK.

STRUKTUR ORGANISASI JPAK

PENGERUSI

Ketua Setiausaha Negara

AHLI

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Ketua Audit Negara

Akauntan Negara Malaysia

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Ketua Pengarah Kerja Raya

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Penilaian Harta

Ketua Pengarah MAMPU

SETIAUSAHA

Pengarah Kanan Cawangan Perancangan Aset Bersepadu, JKR Malaysia

URUS SETIA

Jabatan Kerja Raya

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) Fasiliti

PENGENALAN

JKPAK (Fasiliti) merupakan jawatankuasa di peringkat Kementerian / Jabatan / Agensi yang ditubuhkan bertujuan mengurus aset alih mengikut keputusan / arahan JPAK dan tugas-tugas khusus sebagaimana ditetapkan

FUNGSI

Merancang, memantau, mengawasi, menyelaras dan menganalisis semua aspek pengurusan aset tak alih supaya mematuhi TPATA dan dapat memenuhi objektif jabatan dalam PATA dan diadakan 4 kali setahun. Hasil mesyuarat hendaklah dilaporkan kepada Urus Setia JPAK.

Tarikh

1 April 2016

Tempat

Bilik Mesyuarat Berlian, Aras 2, Blok G, Ibu Pejabat JKR

BIL. 1/2016



Tarikh

8 September 2016

Tempat

Bilik Mesyuarat Berlian, Aras 2, Blok G, Ibu Pejabat JKR

BIL. 2/2016



TATACARA PENGURUSAN ASET TAK ALIH KERAJAAN

Bagi menguruskan aset-aset tersebut secara cekap dan berkesan, kerajaan telah mewujudkan dokumen Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan (TPATA) sebagai rujukan utama

Antara fungsi TPATA adalah:



**PENDAFTARAN
ASET**



**PENGURUSAN
ASET**



**PEMANTAUAN
ASET**

Aplikasi sistem pengurusan aset tak alih kerajaan atau mySPATA adalah aplikasi atas talian untuk kegunaan semua agensi Persekutuan.

Tiga modul utama aplikasi mySPATA:

1. Pendaftaran Aset
2. Pengurusan Aset
3. Pemantauan Aset

Pengurusan aset merangkumi 10 fasa kitaran hayat bermula daripada perancangan sehingga pelupusan aset. Buat masa ini, TPATA dan mySPATA fokus kepada:

- i. Fasa penerimaan
- ii. Operasi dan Senggara
- iii. Penilaian
- iv. Pemulihan, Ubah Suai dan Naik Taraf;
- v. Pelupusan



“Kini dokumen TPATA telah diterjemahkan di dalam bentuk aplikasi mySPATA”

KATEGORI UTAMA

Dua kategori utama aset bagi aset tak alih kerajaan ialah infrastruktur dan bangunan.

Aset infrastruktur negara termasuk:

1. Sistem pengangkutan
2. Pengurusan air
3. Pembetulan dan lain-lain lagi

Aset bangunan pula terdiri daripada

1. Bangunan pentadbiran
2. Kesihatan
3. Pendidikan
4. Kompleks sukan dan lain-lain lagi



Kursus Introduction to Asset Management ISO 55001: 2014

Tarikh	23 - 24 Ogos 2016
Tempat	Bilik Latihan Giat Bestari, Aras 2, Blok C (Lama).

Objektif

- Memahami dan mengetahui pentingnya menjalankan pengurusan aset dengan baik dan mengikut standard
- Mempelajari serta memahami keperluan ISO 55001:2014 didalam pengurusan aset
- Mengendalikan keperluan ISO 55001:2014 bagi membolehkan sistem-sistem pengurusan aset sedia ada diintegrasikan dengan baik



Kursus Train the Trainer – Teknik Penyampaian Ceramah

Tarikh	29 - 30 Ogos 2016
Tempat	Bilik Latihan Giat Bestari, Aras 2, Blok C (Lama).

Objektif

- Mempelajari dan memahami teknik penyampaian ceramah yang lebih sistematik
- Menyesuaikan gaya dan bahan penceramah untuk disesuaikan dengan keadaan kursus



Kursus Financial Perspective on Effective Asset Management

Tarikh	06 - 07 September 2016
Tempat	Bilik Latihan Giat Bestari, Aras 2, Blok C (Lama).

Objektif

- Meningkatkan pengurusan aset dengan memahami objektif kewangan
- Memohon proses belanjawan dan pengurusan kos yang berkaitan dengan pengurusan aset
- Mengenal pasti penambahbaikan kecekapan untuk mengurangkan kos operasi dan pengurusan aset



Kursus Hands-On Penilaian Pasca Menduduki Tahap 1 – Post Occupancy Evaluation (POE) Bagi Aset Bangunan JKR Selangor

Tarikh	27 - 29 September 2016
Tempat	Hotel De Palma Shah Alam, Selangor.

Objektif

Memberi pendedahan berkenaan Garis Panduan dan Proses Kerja Penilaian Pasca Menduduki di peringkat JKR Negeri.



Kursus Pengenalan Asas dan Penyelenggaraan Sistem Mekanikal dan Elektrik

Tarikh	26 - 27 Oktober 2016
Tempat	Bilik Latihan Giat Bestari, Aras 2, Blok C (Lama).

Objektif

- Memahami asas kepada pengenalan dan penyelenggaraan sistem mekanikal dan elektrikal kepada pegawai BPPA



Aktiviti Peluasan mySPATA

Tarikh	Sepanjang tahun 2016
Tempat	Di kementerian-kementerian dan agensi-agensi di seluruh negara.

Objektif

- Memberikan pendedahan kepada semua kementerian tentang penggunaan PeDATA dan pengisian maklumat dalam mySPATA





Peluasan Kursus TPATA dan MySPATA kepada kementerian/ jabatan/ agensi kerajaan

Tarikh	Sepanjang tahun 2016
Tempat	Kementerian/ jabatan/ agensi kerajaan.

Objektif

Memberi penerangan dan pendedahan berkaitan Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA) Kerajaan dan mySPATA kepada kementerian/ jabatan atau agensi kerajaan



Program di JKR Pulau Pinang

Program Peluasan Pengurusan Lukisan Siap Bina dan Lukisan Terukur Jabatan Kerja Raya Malaysia

Tarikh	25 - 26 Julai 2016
Tempat	JKR Pulau Pinang.

Objektif

- Sesi perkongsian maklumat, penerangan dan pendedahan berkenaan pengurusan lukisan siap bina dan lukisan terukur di Jabatan Kerja Raya Malaysia.

Tarikh	03 - 04 Februari 2016
Tempat	Hotel Palm Seremban, Negeri Sembilan.

Tarikh	19 - 20 April 2016
Tempat	Pejabat Daerah, Cameron Highland, Pahang.

Tarikh	03 - 04 November 2016
Tempat	UiTM Kampus 3, Seremban, Negeri Sembilan (UiTM).



Lawatan Penentuan Aset Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)

Tarikh	04 Mei 2016
Tempat	Shah Alam dan Kuala Langat, Selangor.

Objektif

- Menentukan aset baru di bawah JMG bagi projek pembangunan telaga tiub untuk program pengurusan tanah gambut bagi kawasan sering terbakar di Hutan



Lawatan Kerja Ke Pusat Pentadbiran Negeri Johor Kota Iskandar Putri, Johor Bharu

Tarikh	26 - 27 Oktober 2016
Tempat	Kota Iskandar Putri, Johor Bharu.

Objektif

- Mendapatkan pengetahuan mengenai Pengurusan Kontrak Fasiliti dan Penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik (Cahaya Jauhar) di bangunan-bangunan di Kota Iskandar Putri serta kawasan sekitarnya.
- Mendapatkan penerangan berkenaan masalah-masalah yang dihadapi dalam Pengurusan Fasiliti dan Penyelenggaraan yang dilaksanakan dan penambahbaikan yang telah dibuat yang mana sedikit sebanyak boleh digunakan dalam Pengurusan Fasiliti dan Penyelenggaraan di Jabatan Kerja Raya.



Mesyuarat Penyelaras Pembangunan Pangkalan Data Kos Kitaran Hayat (LCC)

Tarikh	15 Mac 2016
Tempat	Bilik Giat Bestari, Blok C Lama, IP JKR.

Objektif

- Mendapatkan maklumbalas berkenaan data LCC daripada JKR Cawangan/Negeri

Mesyuarat Penyelarasan Unit Pengurusan Fasiliti Negeri Siri 1 (Zon Tengah & Zon Selatan)

Objektif

- Memantau dan menyelaras semua aspek Pengurusan Aset Tak Alih Jabatan di peringkat negeri supaya dapat dipraktikkan dengan mematuhi Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan (TPATA), Garis Panduan yang disediakan serta polisi yang telah ditetapkan.



SIRI 1 (Zon Tengah & Zon Selatan)



SIRI 1 (Zon Tengah & Zon Selatan)



Siri 3 (Semua Zon)

Tarikh	03 - 04 Februari 2016
Tempat	Hotel Palm, Seremban, Negeri Sembilan.

Tarikh	19 - 21 April 2016
Tempat	Bilik Mesyuarat Pejabat (D) Cameron Highland, Pahang.

Tarikh	11 Ogos 2016
Tempat	Bilik Mesyuarat Zamrud, Aras 2, Blok G, Ibu Pejabat JKR

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengurusan Aset Lestari (JKKPAL)

Tarikh	05 April 2016	Tarikh	25 Jun 2016
Tempat	Bilik Mesyuarat UPPP, Blok F, IP JKR.	Tempat	Bilik Mesyuarat Bestari, Blok C, IP JKR.

Objektif

- Menyedia dan menyelaras pelan tindakan bagi penyediaan aset lestari JKR.



Mesyuarat Penyelarasan Syor Meroboh Bangunan Peringkat Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan Bil 1/2016

Tarikh	16 Mei 2016
Tempat	Bilik Mesyuarat Utama Tingkat 2, Blok F, IP JKR.

Objektif

- Memaklumkan kepada ahli mesyuarat bahawa kuasa melulus untuk meroboh bangunan persekutuan adalah di bawah bidang kuasa KPKR dan bukannya di bawah bidang kuasa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.



Mesyuarat Mengenai Kaedah Penentuan Had Kuasa Melulus Pelupusan dan Kehilangan & Hapus Kira Aset Alih Kerajaan

Tarikh	11 Ogos 2016
Tempat	Aras 4, Blok Selatan Kompleks Kementerian Kewangan Presint 2, Putrajaya.

Objektif

- Membincangkan kaedah penentuan had kuasa melulus bagi Pelupusan dan Kehilangan & Hapus Kira Aset Tak Alih Kerajaan.



Bengkel Pemantapan Tadbir Urus Jabatan Kerja Raya 2016

Tarikh	04 - 06 Oktober 2016
Tempat	Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan & Teknologi, JKR (CREaTE), Alor Gajah, Melaka.

Objektif

- Memantapkan struktur Tadbir Urus Pengurusan Aset di peringkat jabatan supaya dapat diselaras mengikut peranan, tanggungjawab dan aliran tugas kerja seiring dengan struktur organisasi jabatan.



Bengkel Verifikasi Pengguna Fasilitas Mengikut Zon (Zon Miri, Zon Sarawak, Zon Sabah, Zon Tengah)

Objektif

- Memberi penerangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia berkenaan pelaksanaan pemeriksaan keadaan bangunan oleh pengguna fasilitas.



Tarikh	18 - 20 Oktober 2016
Tempat	Park City Everly, Miri, Sarawak.

Tarikh	21 - 23 Oktober 2016
Tempat	Hotel Grand Continental, Kuching Sarawak.

Tarikh	28 - 30 Oktober 2016
Tempat	The Klagen, Kota Kinabalu, Sabah.



Bengkel Pemurnian Kit Latihan Kos Kitaran Hayat (LCC)

Tarikh	31 Okt - 01 Nov 2016
Tempat	Blok G, KKR2, IP JKR.

Objektif

- Menyedia Kit Latihan Kos Kitaran Hayat (LCC) bagi tujuan peningkatan kompetensi pegawai



Bengkel Pemurnian Garis Panduan Penyenggaraan Bangunan Warisan

Tarikh	18 - 21 November 2016
Tempat	Blok G, KKR 2, IP JKR.

Objektif

- Menyiapkan Garis Panduan penyenggaraan bangunan warisan kerajaan.

Perlaksanaan Naziran SPB-SPK Pengurusan Penyenggaraan Tahun 2016

Objektif

- Memantau aktiviti-aktiviti JKR Negeri yang dijalankan berdasarkan dasar-dasar dan objektif-objektif yang didokumenkan dalam Garis Panduan SPB Senggara.



Tarikh	29 - 31 Mac 2016
Tempat	Cawangan Senggara Fasilitas Bangunan.

Tarikh	25 - 28 April 2016
Tempat	JKR Kedah.

Tarikh	10 - 12 Mei 2016
Tempat	JKR Perak.


Tarikh	31 Mei - 2 Jun 2016
Tempat	JKR Selangor.

PEMBANGUNAN PENGETAHUAN YANG DIPERLUKAN DALAM BIDANG PENGURUSAN FASILITI DI MALAYSIA

Pengurusan fasiliti ialah satu profesion yang merangkumi pelbagai disiplin untuk memastikan kefungsi persekitaran tempat kerja dengan melaksanakan integrasi antara manusia, tempat, proses dan teknologi (International Facility Management Association, IFMA). Di Malaysia, pengurusan fasiliti merupakan satu bidang yang masih baru dan perkembangan pengetahuan serta amalan mengikut keperluan industri pengurusan fasiliti di Malaysia perlu dikaji dengan lebih terperinci untuk menjamin masa depan yang cemerlang di dalam bidang pengurusan fasiliti.

Secara asasnya, kepentingan pengetahuan ini diterangkan lebih lanjut oleh Nutt (2000) yang menerangkan bahawa pengetahuan adalah kunci kejayaan terhadap komponen manusia, tempat dan proses. Pengetahuan ini adalah amat penting untuk melaksanakan amalan pengurusan fasiliti yang terbaik. Berdasarkan kepada Rajah 1.1 yang dirumuskan daripada pernyataan Nutt (2000), pengetahuan merupakan penghubung antara manusia, tempat dan proses di mana tanpa pengetahuan di kalangan manusia yang menghuni sesebuah bangunan serta proses yang terlibat untuk operasi bangunan tersebut, maka adalah sukar untuk manusia menguruskan tempat atau bangunan dengan sempurna.

Konsep yang ditunjukkan di dalam Rajah 1.1 merupakan asas kepada bidang pengurusan fasiliti di mana pengetahuan manusia terhadap tempat kerja dan proses-proses di dalam pengurusan fasiliti perlu dibangunkan dan diperkembangkan. Menurut Syed (2008), sehingga kini telah wujud sebilangan kajian penting yang menjadi antara perintis terhadap perkembangan pengetahuan pengurusan fasiliti di Malaysia. Ini menunjukkan peningkatan untuk mengangkat dan mentakrifkan kepentingan pengurusan fasiliti di Malaysia. Sebahagian daripada projek kajian berkenaan dilaksanakan oleh institusi akademik dengan kerjasama erat antara para akademik di Malaysia dan pengamal-pengamal di dalam industri pengurusan fasiliti di luar negara.




Rajah 1.1 : Keperluan pelaksanaan sesuatu skop kerja berdasarkan hubungkait dengan manusia, tempat dan proses.

Sumber : Adaptasi daripada penjelasan oleh Bev Nutt (2000)

Di dalam konteks organisasi pula, terdapat dua (2) jenis organisasi yang dikenalpasti iaitu organisasi di sektor swasta dan organisasi di sektor Kerajaan. Pada tahun 2007, Kerajaan Malaysia telah melantik Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia sebagai sekretariat melalui penganjuran Konvensyen NAFAM 2007 dan sebagai hub perkembangan pengurusan fasiliti yang melibatkan pembangunan dasar, garis panduan, kempen kesedaran dan pembangunan kompetensi sumber manusia. Perkembangan pengetahuan di dalam bidang pengurusan fasiliti semakin diberi perhatian di dalam organisasi JKR, namun bagi keseluruhan organisasi di dalam sektor Kerajaan perlu dilaksanakan kempen kesedaran dan taklimat pengetahuan bidang pengurusan fasiliti agar perkembangan di sektor Kerajaan lebih seimbang. Manakala di sektor swasta pula menunjukkan sebahagian bidang-bidang yang terkandung di dalam pengurusan fasiliti dipraktikkan dalam skop tugas sebenar untuk mencapai kejayaan sesebuah organisasi.

Menurut pernyataan Then dan Tan (2005) iaitu wujud potensi besar yang memperlihatkan jurang antara proses dan praktis di dalam pengurusan fasiliti dengan asas pengetahuan di dalam pengurusan fasiliti. Situasi sebegini akan mewujudkan jurang antara proses atau prosedur dalam pelaksanaan pengurusan fasiliti dengan asas pengetahuan di dalam bidang pengurusan fasiliti. Merujuk kepada Rajah 1.2, menurut Then dan Tan (2005) bahawa pemahaman terhadap kehendak bisnes merupakan perkara asas di dalam aplikasi pengetahuan bidang pengurusan fasiliti bagi tujuan mencapai prestasi bisnes yang terbaik. Setiap organisasi juga perlu meminimumkan sebarang jurang atau ketidaksamaan antara empat elemen supaya pengurusan fasiliti dipraktikkan dengan kualiti terbaik dan praktis terbaik ini dianggap sebagai asas kepada pengetahuan di dalam bidang pengurusan fasiliti. Oleh yang demikian, asas pengetahuan di dalam pengurusan fasiliti perlu diperincikan, fokus dan diperjelaskan sebagaimana bidang pengkhususan jurutera, arkitek dan ukur bahan (Linda Tay dan Joseph T.L. Ooi, 2001).



Persekitaran Dinamik Yang Wujud Dalam Pengurusan Fasilitas (FM) Keseimbangan Antara Pengurusan Reaktif & Proaktif

Rajah 1.2 : Menunjukkan perlunya kajian semula untuk mengurangkan jurang antara teori, praktis dan prestasi di dalam pelaksanaan pengurusan fasiliti.

Sumber : Adaptasi daripada Then dan Tan (2005)

Kesimpulannya, asas pengetahuan kepada profesionalisma pengurusan fasiliti perlu dikaji berdasarkan kepada keperluan persekitaran industri pengurusan fasiliti di Malaysia dan apabila tahap serta keperluan pengetahuan telah dikenalpasti, maka perlu diwujudkan program akademik yang intensif serta disusuli oleh program latihan praktikal dan dinamik. Program-program ini mestilah disesuaikan dengan persekitaran akademik dan keperluan pasaran industri di Malaysia. Melalui pelaksanaan program-program sebegini, asas ilmu pengetahuan dan kurikulum di dalam profesion pengurusan fasiliti akan diiktiraf sebagai disiplin profesional pada masa akan datang dan seterusnya mengurangkan jurang antara pengetahuan, praktis, prosedur serta proses-proses di dalam pelaksanaan pengurusan fasiliti.

ABSTRAK

“Structural Model Of Knowledge Elements, Mediating Constructs And Performance For Facilities Management Organisation”



Disebalik peningkatan permintaan dalam menguruskan pengetahuan, didapati penyelidikan sedia ada adalah terhad dalam mengaplikasikan pengetahuan sebagai sumber tidak ketara untuk kelebihan daya saing dalam prestasi organisasi pengurusan fasiliti (FM). Kajian literatur mendedahkan kajian yang berkaitan dengan hubungan antara pengetahuan dan prestasi organisasi FM adalah terhad, menyebabkan kekurangan pemahaman dan amalan terbaik dalam pelaksanaan FM. Kajian ini menghuraikan teori-teori pandangan berasaskan sumber (RBV) dan pandangan yang berasaskan pengetahuan (KBV) untuk mengenal pasti kepentingan dalam menguruskan pengetahuan. Tujuan kajian ini adalah untuk menambatkan model sedia ada dengan membangunkan satu dimensi baru dalam hubungan antara sekumpulan konstruk (elemen-elemen pengetahuan, konstruk pengantara, dan prestasi organisasi FM) dalam model prestasi organisasi FM. Model yang digunakan dalam kajian ini telah diuji menggunakan data empirikal yang dikumpul daripada kaji selidik yang melibatkan pengamal dalam organisasi yang mengamalkan FM. Kaji selidik tersebut telah mengumpul 215 soal selidik yang boleh digunakan. Data yang dikumpul telah dianalisis menggunakan model persamaan struktur. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 10 daripada 12 hubungan adalah signifikan, yang membuktikan bahawa semua konstruk dimodelkan berdasarkan data sampel. Dua hubungan adalah tidak signifikan, iaitu hubungan antara pengurusan pengetahuan dan keupayaan dinamik; dan hubungan antara keupayaan dinamik dan prestasi organisasi FM. Tambahan pula, terdapat tiga konstruk yang memainkan peranan pengantara antara hubungan pengurusan pengetahuan dan prestasi organisasi FM, iaitu prestasi pelanggan, kecekapan dan inovasi. Oleh itu, kajian ini menunjukkan betapa pentingnya elemen-elemen pengetahuan dan konstruk pengantara dalam mewujudkan kelebihan daya saing antara organisasi FM.

Ir. Dr. Ahmad Firdauz Bin Abdul Mutalib, Jurutera Awam Kanan, Bahagian Perundingan Pengurusan Aset, Cawangan Perancangan Aset Bersepadu, Ibu Pejabat JKR Malaysia telah dianugerahkan Ijazah “Doctor Of Philosophy (Facilities Management)” di dalam Majlis Konvokesyen Ke-57 Universiti Teknologi Malaysia pada 22 Oktober 2016. Beliau telah menerima “Best Student Award” sebagai pengiktirafan prestasi cemerlang beliau di dalam pengajian Ph.D.



Objektif SIG Aset

“Group” ini ditubuhkan untuk menghasilkan satu wadah perkongsian ilmu dan maklumat yang berkaitan dengan ASET di kalangan warga JKR yang terlibat dalam pengurusan aset dan fasiliti.

Antara artikel yang telah dikongsikan adalah :-

- *Role of a Facility Manager*
- *Interview on Facilities Management in Malaysia*
- *Myths of Asset Management*
- *Pengurusan Fasiliti dalam Penyelenggaraan Bangunan, Amalan Kualiti, Keselamatan dan Kesihatan*
- *Making Facility Management a Career of Choice*
- *Leveraging The Relationship Between BIM and ASSET Management*
- *Asset Management VS Facility Management*

Sebarang pertanyaan berkenaan dengan SIG Aset, boleh hubungi talian 03 2610 8539 atau emel SSabariah.jkr@1govuc.gov.my

MOTIVASI

4 LILIN

Ada empat buah lilin yang menyala dengan terang. Suasana begitu hening hingga terdengarlah percakapan mereka.

Lilin pertama berkata, “Aku adalah kedamaian. Tidak ada seorang pun yang mampu menjaga cahayaku di segala kondisi. Aku yakin bahwa aku harus pergi dan aku merasa tidak mempunyai alasan untuk tetap tinggal.” Lilin itu pun memadamkan cahayanya dengan mengurangnya secara beransur – ansur hingga cahayanya benar – benar lenyap.

Lilin kedua berkata, “Aku adalah iman.” Satu hembusan angin pun bertiup dan memadamkan cahayanya secara total. Ketika gilirannya tiba, dengan sedih lilin ketiga berkata, “Aku adalah kasih sayang. Aku tidak mempunyai kemampuan untuk terus ada. Tidak ada lagi seseorang yang mempedulikan aku, sedang orang – orang tidak menghormati nilai – nilaiku dan mereka melupakan kasih sayang orang yang paling dekat dengan mereka.”

Tiba – tiba, ada seorang anak kecil masuk ke kamar itu dan menyaksikan apa yang terjadi dengan ketiga lilin itu. Anak kecil itu pun mulai menangis. Saat itulah lilin keempat angkat bicara dan berkata, “Jangan takut, hai anakku. Selama aku masih ada, kita mampu menyalakan kembali tiga lilin itu. Aku adalah harapan.”

Dengan mata yang berseri – seri, anak kecil itu meraih lilin harapan dan mulai menyalakan ketiga lilin lainnya. Sinar harapan tidak boleh padam dari kehidupan kita. Dengan itu, manusia mampu menjaga iman, kedamaian, dan kasih sayang.

Sesungguhnya perumpamaan optimisme dan harapan adalah seperti kelemahan dan keputusan, yakni bisa di pelajari.

PRODUK TERKINI BPPA



Garis Panduan Pengurusan Risiko Fasiliti

Garis Panduan ini bertujuan memberi panduan pelaksanaan proses pengurusan risiko dalam mengurus aset atau fasiliti kerajaan. Ia diwujudkan sebagai pendekatan yang sistematik dan proaktif dalam menganalisis dan mentaksir risiko yang telah dikenalpasti sepanjang kitaran hayat penggunaan aset. Selain itu juga, Garis Panduan ini bertujuan untuk menerangkan konsep-konsep pengurusan risiko, model dan proses yang boleh digunakan di pelbagai peringkat serta saiz organisasi dalam mengurus sesuatu fasiliti. Garis Panduan ini juga memberi pendedahan berkenaan prinsip-prinsip yang diperlukan untuk mengurus risiko dengan berkesan secara umum serta penerangan bagaimana penerapan pengurusan risiko termasuk penggunaan templat boleh dilaksanakan dalam sesebuah organisasi. Garis Panduan ini dibangunkan berdasarkan kepada Garis Panduan Pengurusan Risiko Jabatan Kerja Raya Malaysia (Versi 1.0 Oktober 2013) dan Manual Pengurusan Risiko untuk Fasiliti JKR (Versi 2.0 Oktober 2010). Standard ISO 31000:2009 dan AS/NZS 4360:2004 juga dirujuk di mana ia juga telah menjadi rujukan JKR Malaysia dan agensi-agensi kerajaan lain serta pihak industri bagi mengurus pelbagai risiko pengoperasian dalam sesebuah organisasi.



Tahap Prestasi Penyenggaraan Aset (TPPA)

Objektif Buku Panduan ini menyediakan rujukan seragam tentang kriteria tahap prestasi dan kriteria penyenggaraan aset tak alih kerajaan serta memberikan panduan tentang kaedah untuk menentu dan mengukur pencapaian prestasi penyenggaraan aset tak alih di premis kerajaan.



Condition of Contract (COC) in Facilities Management

Status kelulusan dokumen diperolehi pada 19 Oktober 2016. Kelebihan dokumen COC ini adalah menepati skop FMM berbanding dengan kontrak kerja penyenggaraan (biasa) dan mempunyai "single point responsibility". Penambahbaikan kepada klausa-klausa dan penambahan klausa berbanding dengan COC 2008.

Program Motivasi dan Integriti BPPA 2016



Tarikh	Setiap hari Jumaat sepanjang tahun 2016
Tempat	Bilik Latihan Giat Bestari, Aras 2, Blok C (Lama)
Objektif	Mengeratkan silaturahim dan perkongsian ilmu dikalangan staf BPPA

Team Building BPPA, 1FIKIRAN 1HATI

Tarikh	29 Mac 2016
Tempat	Taman Botani Negara Shah Alam, Bukit Cahaya Seri Alam, Selangor
Objektif	Mengeratkan hubungan silaturahim dan memupuk semangat kerjasama antara staf di BPPA



Lawatan Kerja Ketua Pengarah Kerja Raya

Tarikh	08 Jun 2016
Tempat	Bilik Latihan Giat Bestari, Aras 2, Blok C (Lama)
Objektif	Ketua Pengarah Kerja Raya, YBhg. Datuk Ir. Hj. Adanan bin Mohamed Hussain mengadakan lawatan kerja ke setiap cawangan-cawangan sempena persaraan beliau.



Sambutan Hari Raya BPPA

Tarikh	27 Jun 2016
Tempat	Bilik Latihan Giat Bestari, Aras 2, Blok C (Lama)
Objektif	Mengeratkan hubungan silaturahim di antara staf pegawai di BPPA



BLING
RAYA
BLING



Majlis Ceramah Agama – Ihya Ramadhan

Tarikh	17 Jun 2016
Tempat	Bilik Latihan Giat Bestari, Aras 2, Blok C (Lama)
Objektif	Memberi penerangan mengenai kelebihan bulan Ramadhan dan amalan-amalan baik di bulan Ramadhan

Sambutan Hari Raya Unit UPPA & UPTA

Tarikh	18 Julai 2016
Tempat	Unit Perunding Pengurusan Aset, Aras 3 Blok C (Lama), Kuala Lumpur
Objektif	Mengeratkan hubungan silaturahim di antara pegawai di Unit UPPA

Tarikh	29 Julai 2016
Tempat	Aras 4, Blok C (Lama)
Objektif	Sambutan Hari Raya EidulFitri dan sesi mengeratkan hubungan bersama pegawai dan kakitangan UPTA, BPPA.



Hari Keluarga BPPA 2016

Tarikh	26 November 2016
Tempat	Wet World Shah Alam, Selangor
Objektif	Mengeratkan hubungan silaturahim bersama keluarga pegawai dan kakitangan BPPA



Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) BPPA



Audit dalaman EKSA

- 09 - 10 Mac 2016
- 22 - 24 Mac 2016
- 04 - 05 Mei 2016

Aktiviti gotong royong perdana EKSA

- 19 Februari 2016
- 04 November 2016



AUDIT DALAMAN
58 EKSA KE-2
67% → 80%
24 MAC 2016
KHAMIS
JAWATAN KUALA PROMOSI EKSA BPPA, CPAB & JKR

Ekosistem
Kondusif
Sektor
Awam

gotong royong
PERDANA

BPPA, CPAB
19 FEB 2016 | 10.00 pagi
Blok C (lama)

KE ARAH PERSIJILAN EKSA OLEH MAMPU
AUDIT DALAMAN EKSA KE-2
22 MAC 2016 | SELASA
BERSAMA-SAMA KE ARAH

ANDA MAMPU MENCIKATNYA!

1. Melakukan tugas-tugas dan projek di BPPA/CPAB
2. Melakukan tugas-tugas dan projek di BPPA/CPAB
3. Melakukan tugas-tugas dan projek di BPPA/CPAB

Bil	Nama Pegawai
1	Ir. Azizul Bin Ariffin (J54)
2	Ir. Azman Bin Ilyas (J54)
3	Ir. Hj. Saliha Binti Che Daud (J52)
4	Ir. Abu Bakar Bin Abd Aziz (J52)
5	Pn. Mahvidayan Binti Muhd Tarmidi (J48)
6	En. Onni Dzasman Bin Nasruddin (J48)
7	En. Nor Azmi Bin Bakar (J48)
8	En. Nik Marzuki Bin Nik Ariffin (J48)
9	Cik Maznida Shahila Binti Mat Saleh (J48)
10	Ir. Su Faizah Binti Sukor (J48)
11	Pn. Shahiena Azli Binti Abdul Azis (J48)
12	En. Shahril Bin Azizi (J44)
13	Pn. Roslina Binti Koming @ Hj. Abd. Aziz (J44)
14	En. Mohd Rahmat Bin Khamis (J44)
15	Pn. Maizurah Binti Marzuki (J44)
16	En. Salihin Bin Ab Rahman (J44)
17	Cik Diyana Binti Othman (J41)
18	En. Mohd Razif Bin Mohamed Kamaruzzaman (J41)
19	Pn. Che Zawaheerani Binti Che Adnan (J41)
20	En. Mohd Zamri Bin Abdullah (J41)
21	Pn. Shuhda Silmi Binti Zuhali (J41)
22	En. Muhammad Zawawi Bin Lot (F32)
23	Cik Yunika Kirana Binti Abdul Khalik (J41)
24	En. Mohd Zain Al A'bidin Bin Md. Zin (J41)
25	En. Muhamad Shahrizan Hanif Bin Saad (J36)
26	En. Abdul Wahid Bin Md Tahir (J36)
27	En. Mohd Firdaus Bin Mat Zin (J29)
28	Cik Fatin Nabila Binti Mohd Amir (PSH)

STAFF BERPINDAH (KELUAR CAWANGAN)

Al-Fatihah

*“Sesungguhnya, **BPPA** telah kehilangan sebutir permata yang begitu menyerlah yang mana **Puan Zanita Binti Jaafar** telah kembali ke Rahmatullah pada 2 Mac 2016 dikediamannya di Temerloh, Pahang.*

*Oleh demikian, terlalu banyak sumbangan Allahyarhamah kepada **BPPA** secara khususnya dan kepada **JKR** secara amnya.”*



DALAM KENANGAN

Biodata Puan Zanita Binti Jaafar

Dilahirkan pada 27 November 1970, di Kg. Awah Temerloh. Puan Zanita Binti Jaafar adalah bekas Ketua Penolong Pengarah (J52) yang mudah didekati, prihatin dan amat bertanggungjawab dengan setiap amanah dan tugas yang diberikan.

Beliau telah berkhidmat di Jabatan Kerja Raya seperti berikut:

1 November 1995 (J41)

Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang, Cawangan Kejuruteraan Mekanikal

1 Mac 1999 (J41)

Kementerian Pendidikan Malaysia

1 Mei 2006 (J44)

Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Cawangan Kejuruteraan Mekanikal

7 Mei 2007 (J48)

Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Cawangan Kejuruteraan Mekanikal

16 April 2008 (J52)

Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Cawangan Kejuruteraan Mekanikal

3 Ogos 2009 (J52)

Bahagian Perundingan Pengurusan Aset, Cawangan Perancangan Aset Bersepadu

Pelan Operasi dan Penyenggaraan Aset (POPA) • Transformasi Pengurusan Aset Kerajaan Ke Arah Wawasan 2020 • Dasar Pengurusan Aset Kerajaan • Manual Pengurusan Aset Menyeluruh • Sistem Kod Aset Tak Alih (SKATA) • Piawaian JKR bagi Jangka Hayat Aset Infrastruktur dan Aset Kejuruteraan • Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan • Rekabentuk Kebolehsenggaraan Bilik Suis Voltan Rendah • Kos Kitaran Hayat (LCC) • Pengurusan Lukisan Siap Bina • Pelupusan Komponen Binaan • Rekabentuk Kebolehsenggaraan Sistem Lif • Lukisan Terukur (Pelan Susun Atur Ruang) • Pelupusan Struktur Binaan (Aset Bangunan) • PeData : Bangunan dan Infrastruktur Khas



Buku dan garis panduan boleh dimuat turun di laman sesawang

jpak.jkr.gov.my